

11 JAN 1998

Mokhtar-JKP

JKP DITUBUHKAN DALAM TEMPOH SEHARI DUA LAGI, WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 11 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini berkata, kerajaan negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) peringkat negeri dalam sehari dua lagi.

Beliau berkata jawatankuasa itu ditubuhkan selaras dengan arahan Perdana Menteri Bilangan 1, Tahun 1998 yang dikeluarkan Khamis lalu, dalam usaha membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam.

"Anggota jawatankuasanya adalah Menteri Besar sebagai pengerusinya, dua Exco iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Bandar dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada fakir dan miskin sempena Aidilfitri di sini.

Selain itu, ia juga melibatkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian, Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Pengarah Pembangunan Negeri dan Mufti.

Di peringkat jabatan kerajaan pula, ia akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan dibantu oleh beberapa AJK daripada ketua-ketua jabatan, katanya.

Penubuhan JKP itu adalah selaras dengan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabat BPR, Khamis lepas.

Wan Mokhtar berkata ia adalah untuk menangani kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan lain.

"Kita akan laksanakan beberapa program untuk mengawasi kakitangan kerajaan dan menerapkan nilai-nilai murni, jujur dan tanggungjawab," katanya.

Di majlis itu seramai 569 orang fakir dan miskin dari seluruh daerah Kuala Terengganu menerima sumbangan daripada kerajaan negeri sempena sambutan Aidilfitri.

Pada tahun lepas, Majlis Agama Islam negeri berjaya mengumpul zakat berjumlah RM12.833 juta berbanding RM9.6 juta pada tahun sebelumnya. Persurujaya Hal Ehwal Agama negeri Datuk Ismail Ali berkata peningkatan itu adalah hasil kesedaran masyarakat Islam di negeri ini terhadap tanggungjawab mereka untuk mengeluarkan zakat.

Sementara itu di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, arahan Perdana Menteri itu akan dilaksanakan seberapa segera di semua peringkat meliputi jabatan-jabatan kerajaan, kerajaan tempatan dan pelbagai majlis negeri sebaik sahaja surat rasmi mengenai arahan itu diterima.

Penubuhan JKP adalah wajar bagi memastikan pentadbiran kerajaan dilaksanakan dengan betul terutamanya yang melibatkan perbelanjaan wang rakyat agar tiada pembaziran berlaku, katanya pada Bengkel dan Latihan Pilihanraya Pemuda Gerakan Negeri, di sini.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu menerangkan kepada rakyat mengenai setiap perbelanjaan itu dan semua majlis yang ditubuhkan melalui NEAC bagi mengawasi kerajaan sebelum ini akan terus berfungsi walaupun JKP ditubuhkan kelak.

Lebih 100 anggota Pemuda Gerakan Negeri menghadiri bengkel dan latihan pilihan raya itu yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan melancarkan pentadbiran jentera parti bagi menghadapi pilihan raya.

Di PORT DICKSON, Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata kerajaan negeri akan segera menubuhkan jawatankuasa itu sebaik menerima pekeliling mengenainya.

"Kerajaan negeri berharap semua pihak akan menyokong usaha kerajaan membanteras rasuah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada fakir miskin, ibu tunggal dan anak yatim di Kampung Tajung Agas dekat sini, hari ini.

Menurutnya, penubuhan jawatankuasa itu menunjukkan kesungguhan kerajaan memerangi rasuah di kalangan kakitangan awam. -- BERNAMA

SBS ZU RP PR MAI